

MINI PROJEK

[100 markah]

ARAHAN:

- 1) Tugas ini adalah tugas Mini Projek berkumpulan.
- 2) Tugas ini perlu dilaksanakan secara berkumpulan mengikut kesesuaian bilangan 2-4 orang.
- 3) Pelajar dikehendaki menghasilkan **SATU (1)** laporan yang mengandungi bahan mengenai penilaian prestasi, pampasan dan faedah pekerja seperti soalan di bawah mengikut kreativiti kumpulan.
- 4) Penilaian tugas ini adalah menggunakan senarai semak Mini Projek.
- 5) Mini Projek hendaklah dihantar dalam bentuk **laporan** (*hardcopy*) dan (*softcopy*).

SOALAN 1:

CLO2

Anda merupakan salah seorang pekerja di Jabatan Sumber Manusia sebuah syarikat/organisasi perindustrian. Anda dikehendaki menyediakan **SATU (1)** borang penilaian prestasi syarikat/organisasi tersebut. Borang penilaian yang disediakan perlu mengandungi item seperti berikut iaitu :

- a) Item penilaian berdasarkan **SIFAT**
- b) Item penilaian berdasarkan **GELAGAT**
- c) Item penilaian berorientasikan **HASIL**

SOALAN 2:

Setiap syarikat/organisasi akan menghadapi isu-isu berkaitan pengurusan sumber manusia. Anda dan ahli kumpulan dikehendaki mencari **artikel** berkenaan isu-isu berikut melalui platform media semasa (akhbar dalam talian, stesen TV, portal berita antarabangsa) dan platform maklumat digital (You Tube, laman web kerajaan atau aplikasi berita). Artikel tersebut adalah mengenai isu pampasan dan faedah seperti gaji, KWSP, faedah-faedah bersara, kemudahan pembiayaan pelajaran dan sebagainya. Artikel hendaklah dari lima (5) tahun yang terkini.

CLO2 Berdasarkan artikel tersebut, anda dan ahli kumpulan perlu menerangkan jenis-jenis pampasan berikut :

- a) Artikel mengenai pampasan kewangan secara langsung
 - i) Bentuk pampasan kewangan
 - ii) Sebab pampasan diberikan

- b) Artikel mengenai pampasan faedah berkanun dan bukan berkanun
 - i) Bentuk faedah berkanun/bukan berkanun
 - ii) Sebab faedah berkanun/bukan berkanun diberikan

- c) Artikel mengenai pampasan bukan kewangan
 - i) Bentuk pampasan bukan kewangan
 - ii) Sebab pampasan bukan kewangan diberikan

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab